

Kekeliruan jati diri punca bahasa bercampur aduk

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk meneliti keupayaan bahasa Melayu dalam komunikasi yang dikendalikan dalam laman sosial Facebook dan untuk meninjau implikasi bahasa Inggeris terhadap jati diri kaum Melayu. Sebanyak 70 orang responden Melayu telah dipilih untuk mendapatkan data melalui soalan soal selidik dalam talian. Jawapan soal selidik dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh bahasa Inggeris semakin menyaingi bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana wujudnya kekeliruan jati diri dalam diri penutur. Akhir sekali, kajian ini penting untuk memberikan gambaran sebenar perihal penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu di Malaysia.

Keyword: Code-mixing; Code-switching; Identity; Ethnic Malays; Facebook